

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

[]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat semata-mata bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk membuat suatu undang-undang mengenai perkara-perkara kerajaan tempatan yang berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan sesuatu Negeri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri itu, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan tarikh yang berlainan —

(a) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagiannya;

- (b) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
 - (c) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagiannya.
- (4) Walau apa pun subseksyen (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* —
- (a) mengecualikan mana-mana bahagian mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan daripada mana-mana atau kesemua peruntukan dalam Akta ini;
 - (b) meluaskan mana-mana atau kesemua peruntukan dalam Akta ini supaya terpakai bagi keseluruhan atau mana-mana kawasan atau bahagian mana-mana kawasan dalam Negeri itu yang bukan di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan; dan
 - (c) membuat apa-apa ubahsuaian, pindaan atau perubahan yang perlu kepada peruntukan dalam Akta ini sebagaimana yang perlu bagi maksud pemakaiannya di bawah perenggan (b).
- (5) Walau apa pun subseksyen (3), berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3 —

- (a) dengan memasukkan selepas takrif "orang" takrif yang berikut:

' "orang utama yang mengemukakan" ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan termasuk mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu;'

- (b) dengan menggantikan takrif "orang yang berkelayakan" dengan takrif yang berikut:

' "orang yang berkelayakan" ertinya seorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya;'

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "orang yang berkelayakan" takrif yang berikut:

' "orang yang mengemukakan" ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu;'

- (d) dengan memasukkan selepas takrif "paip sambungan persendirian" takrif yang berikut:

' "pelan bangunan" ertinya pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka keratan dan tampak sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;'

- (e) dengan menggantikan takrif "Perakuan kelayakan menduduki, perakuan kelayakan menduduki sementara dan perakuan kelayakan menduduki sebahagian" dengan takrif yang berikut:

' "perakuan siap dan pematuhan" ertinya perakuan yang diberi atau diluluskan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini; dan

- (f) dengan memasukkan selepas takrif "perakuan siap dan pematuhan" takrif yang berikut:

' "perakuan siap dan pematuhan sebahagian" ertinya perakuan yang diberi atau diluluskan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;'

Pindaan seksyen 58**3. Seksyen 58 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "mana-mana orang yang mengemukakan sesuatu pelan atau penentuan di bawah seksyen 70 berkenaan dengan pembinaan atau pembinaan semula sesuatu rumah atau bangunan" dengan perkataan "orang yang mengemukakan"; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "mana-mana orang yang mengemukakan sesuatu pelan atau penentuan di bawah seksyen 70 berkenaan dengan pembinaan atau pembinaan semula sesuatu rumah atau bangunan" dengan perkataan "orang yang mengemukakan".

Pindaan seksyen 65

4. Subseksyen 65(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "orang yang mengemukakan pelan itu" dengan perkataan "orang utama yang mengemukakan".

Pindaan seksyen 70**5. Seksyen 70 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "mengemukakan" dengan perkataan "menyebabkan untuk dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan";
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan memotong perkataan "berkenaan dengan sistem pembentungan";
- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "orang yang mengemukakan sesuatu pelan dan penentuan" dengan perkataan "orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan";
- (d) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "orang" dengan perkataan "orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan";

- (e) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan "mana-mana orang yang mengemukakan pelan suatu bangunan" dengan perkataan "orang utama yang mengemukakan";
- (f) dalam subseksyen (11), dengan menggantikan perkataan "satu" dengan perkataan "dua puluh lima";
- (g) dalam subseksyen (12) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan "satu ribu" dengan perkataan "dua puluh lima ribu"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "satu ratus" dengan perkataan "lima ratus";
- (h) dalam subseksyen (13) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "dua ratus lima puluh" dengan perkataan "satu ribu";
- (i) dalam subseksyen (14), dengan memasukkan selepas perkataan "tatkala" perkataan "orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan";
- (j) dalam subseksyen (18), dengan menggantikan perkataan "orang yang telah mengemukakan pelan itu" dengan perkataan "orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan";
- (k) dalam subseksyen (19), dengan menggantikan perkataan "seseorang yang berke Layakan" dengan perkataan "seseorang orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan dan ditandatangani oleh pemunya atau ejen yang diberi kuasa oleh pemunya itu dan orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan"; dan

dengan memasukkan selepas subseksyen (19) subseksyen yang berikut:

"Pengeluaran perakuan siap dan pematuhan

(20) Tiada perakuan siap dan pematuhan boleh dikeluarkan kecuali oleh seseorang orang utama yang mengemukakan mengikut masa, cara dan tatacara bagi pengeluarannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

(21) Sebelum pengeluaran suatu perakuan siap dan pematuhan, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab orang utama yang mengemukakan untuk —

- (a) mengawasi pendirian bangunan itu untuk memastikan bahawa pendirian itu menepati pelan yang diluluskan dan kehendak peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya;
- (b) memastikan bahawa bangunan itu telah dibina dan disiapkan dengan sepatutnya menepati pelan yang telah diluluskan dan kehendak Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan bahawa semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sepatutnya; dan
- (c) memastikan bahawa bangunan itu selamat dan layak untuk diduduki.

(22) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menyentuh kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya mengenai pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan bagi maksud memastikan bahawa pendirian dan pembinaan bangunan itu menepati pelan yang diluluskan dan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya.

(23) Jika ternyata kepada pihak berkuasa tempatan itu bahawa suatu ketidakpatuhan pelan yang diluluskan dan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya oleh orang utama yang mengemukakan telah berlaku dalam pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan kepada orang utama yang mengemukakan —

- (a) suatu notis bertulis, menghendaki pematuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan, supaya ketidakpatuhan itu dibetulkan; dan
- (b) suatu arahan bertulis untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu telah dibetulkan.

(24) Jika arahan yang disebut dalam perenggan (23)(b) tidak dipatuhi oleh orang utama yang mengemukakan, pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu.

(25) Kos melaksanakan kerja atau mengambil langkah yang disebut dalam subseksyen (24) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.

(26) Amaun kos yang hendak didapatkan sedemikian oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan dan perakuan pihak berkuasa tempatan mengenai perkara ini adalah bukti muktamad mengenai perkara yang dinyatakan dalamnya dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(27) Mana-mana orang yang —

- (a) bukan orang utama yang mengemukakan tetapi mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan;

- (b) mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan tanpa borang yang berkaitan sebagaimana yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta **ini**;
- (c) mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan yang melanggar arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menahan pengeluaran sedemikian sementara menunggu pembedulan apa-apa ketidakpatuhan;
- (d) dengan diketahuinya membuat atau menghasilkan atau menyebabkan dibuat apa-apa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau fraud apa-apa borang yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;
- (e) menggunakan apa-apa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi palsu, dipinda atau lancung apa-apa borang yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta dengan mengetahui bahawa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi itu telah dipalsukan, dipinda atau dilancarkan; atau
- (f) menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan,

boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya."

Pindaan seksyen 70A

6. Perenggan 70A(17)(C) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "orang yang berkelayakan untuk mengemukakannya" dengan perkataan "orang yang mengemukakan".

Pindaan seksyen 70B

7. Subseksyen 70B(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "daripada orang yang berkelayakan" yang terdapat selepas perkataan "selain" dengan perkataan "orang yang mengemukakan".

Pindaan seksyen 75

8. Seksyen 75 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "orang yang mengemukakan pelan" dengan perkataan "pemunya" di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 85A

9. Seksyen 85A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dalam takrif "jurutera", dengan menggantikan perkataan "jurutera profesional" dengan perkataan "Jurutera Profesional";
- (b) dalam perenggan (3)(a), dengan menggantikan perkataan "perakuan kelayakan menduduki yang pertama" dengan perkataan "perakuan siap dan pematuhan"; dan
- (c) dalam subseksyen (9) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan "perakuan kelayakan menduduki" dengan perkataan "perakuan siap dan pematuhan"; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan "oleh pihak berkuasa tempatan".

Penggantian seksyen 123

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 123 dengan seksyen yang berikut:

"Pendakwaan

123. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya."

Pindaan seksyen 127**11. Seksyen 127 Akta ibu dipinda —**

- (a) dengan menggantikan perkataan "dua ribu" dengan perkataan "sepuluh ribu"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "satu ratus" dengan perkataan "lima ratus".

Pindaan seksyen 133**12. Seksyen 133 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (xiia), dengan menggantikan perkataan "orang yang berkelayakan untuk mengemukakannya" dengan perkataan "orang utama yang mengemukakan dan orang yang mengemukakan"; dan
- (b) dalam perenggan (xiig), dengan menggantikan perkataan "membuat permohonan untuk mendapatkan perakuan kelayakan menduduki sementara, perakuan kelayakan menduduki sebahagian dan perakuan kelayakan menduduki" dengan perkataan "pengeluaran perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian".

Perubahan dalam sebutan mengenai perakuan kelayakan menduduki

13. Semua sebutan mengenai perakuan kelayakan menduduki atau perakuan kelayakan menduduki sebahagian dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan masing-masing sebagai sebutan mengenai perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian.

Kecualian dan peralihan

14. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh perjalanan kuat kuasa yang dahulu, atau apa-apa jua yang dilakukan di bawah peruntukan, mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perakuan kelayakan menduduki sementara, perakuan kelayakan menduduki sebahagian dan perakuan kelayakan menduduki di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan yang diluluskan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini —

- (a) pelan bangunan untuk pendirian bangunan belum mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan;

- (b) pelan bangunan untuk pendirian bangunan telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;
- (c) arahan bertulis telah diberikan oleh pihak berkuasa tempatan supaya pelan dan penentuan berkenaan dengan mana-mana bangunan dipinda dan dikemukakan semula; atau
- (d) pelan dan penentuan yang dipinda belum mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan,

peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi pelan bangunan hendaklah terus terpakai seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Tanpa menjejaskan apa-apa penalti yang boleh dikenakan, jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini kerja mendirikan sesuatu bangunan belum dimulakan dalam masa dua belas bulan dari tarikh pelan dan penentuan bangunan itu diluluskan, peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi mendirikan bangunan itu hendaklah terus terpakai seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini jika kerja mendirikan bangunan itu akan dimulakan pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(4) Jika kerja mendirikan sesuatu bangunan telah dimulakan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi mendirikan bangunan itu hendaklah terus terpakai seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(5) Jika kerja mendirikan sesuatu bangunan telah digantung sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan akan dimulakan semula pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, peruntukan Akta ibu yang terpakai bagi mendirikan bangunan itu hendaklah terus terpakai seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(6) Tanpa menjejaskan apa-apa penalti yang boleh dikenakan, pendirian sesuatu bangunan tanpa apa-apa pelan dan penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah Akta ini sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini dengan syarat—

- (a) suatu permohonan untuk kelulusan pelan dan penentuan bangunan itu dibuat kepada pihak berkuasa tempatan pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (b) permohonan yang disebut dalam perenggan (a) itu diluluskan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ("Akta 133") untuk menggantikan sistem perakuan bangunan yang pada masa ini di bawah skop pihak berkuasa tempatan kepada suatu sistem perakuan yang baru oleh sektor swasta. Perakuan kelayakan menduduki yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan akan digantikan oleh perakuan siap dan pematuhan yang akan dikeluarkan oleh Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang di bawah Rang Undang-Undang ini diperihalkan sebagai orang utama yang mengemukakan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang pemakaian dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 133, untuk menggantikan takrif "perakuan kelayakan menduduki" dengan takrif "perakuan siap dan pematuhan". *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan takrif baru yang berikut berbangkit daripada pengenalan sistem perakuan yang baru itu:

- (a) "pelan bangunan" untuk merujuk kepada pelan yang hendaklah dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan;
- (b) "perakuan siap dan pematuhan sebahagian" untuk menggantikan takrif "perakuan kelayakan menduduki sebahagian";
- (c) "orang utama yang mengemukakan" untuk merujuk kepada orang yang berkelayakan yang bertanggungjawab untuk mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan dan yang merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan di bawah sistem perakuan yang baru;
- (d) "orang yang berkelayakan" untuk merujuk kepada golongan orang yang berkelayakan yang diiktiraf di bawah Akta 133; dan
- (e) "orang yang mengemukakan" untuk merujuk kepada orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan.

4. *Fasal 3, 4, 6, 7, 8 dan 9* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 58, 65, 70A, 70B, 75 dan 85A Akta 133 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 2*.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 70 Akta 133 untuk memasukkan, antara lain, peruntukan yang berhubungan dengan sistem perakuan yang baru oleh orang utama yang mengemukakan. Di bawah sistem perakuan yang ada sekarang, pihak berkuasa tempatan mengeluarkan perakuan kelayakan menduduki sesuatu bangunan menurut peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam yang dibuat di bawah Akta itu. Sistem perakuan yang baru yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan orang utama yang mengemukakan mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan. Sebutan mengenai orang utama yang mengemukakan dibuat dalam pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen (2), (4), (5), (8), (14), (18) dan (19).

Cadangan pindaan kepada perenggan (2)(b) bertujuan untuk menghuraikan dengan jelas bahawa pelan dan penentuan yang dimaksudkan dalam perenggan itu merangkumi keperluan lain selain sistem pembentungan. Pindaan kepada subseksyen (11) dan (12) bertujuan untuk menaikkan penalti kerana membuat perubahan kepada mana-mana bangunan dan kerana menggunakan bagi sesuatu maksud yang lain daripada maksud yang baginya bangunan itu telah dibina pada asalnya, tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan. Penalti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (13) juga dicadangkan untuk dinaikkan.

Dalam memperkenalkan sistem perakuan yang baru, lapan subseksyen baru telah dimasukkan seperti yang berikut:

- (a) subseksyen (20) berhubung dengan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan oleh orang utama yang mengemukakan;
- (b) subseksyen (21) berhubung dengan kewajipan dan tanggungjawab orang utama yang mengemukakan;
- (c) subseksyen (22) berhubung dengan kuasa pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan pendirian dan pembinaan sesuatu bangunan;
- (d) subseksyen (23) memberi pihak berkuasa tempatan kuasa untuk mengeluarkan notis bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk membetulkan apa-apa ketidakpatuhan peruntukan Akta 133 dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan arahan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan sehingga ketidakpatuhan itu diperbetulkan;
- (e) subseksyen (24) berhubung dengan kuasa pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang didapatinya perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu jika arahan yang disebut dalam perenggan (23)(b) tidak dipatuhi oleh orang utama yang mengemukakan;
- (f) subseksyen (25) dan (26) membenarkan pihak berkuasa tempatan mendapatkan apa-apa kos yang dilakukan olehnya di bawah subseksyen (24) daripada pemunya bangunan; dan
- (g) subseksyen (27) berhubung dengan kesalahan di bawah sistem perakuan baru.

6. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 123 Akta 133 supaya selaras dengan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah.

7. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 133 untuk menaikkan penalti am di bawah Akta itu. Denda maksimum dan denda tambahan masing-masing dinaikkan daripada dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit dan daripada seratus ringgit kepada lima ratus ringgit.

8. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta 133 berbangkit dengan pengenalan sistem perakuan yang baru.

9. *Fasal 13* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua sebutan mengenai perakuan kelayakan menduduki atau perakuan kelayakan menduduki sebahagian dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, selepas Akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perakuan siap dan pematuhan dan perakuan siap dan pematuhan sebahagian.

10. *Fasal 14* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2519]